

| | | | |
|------------|----------------------------------|-------------|----------------------|
| Headline | 6 pulau di Selangor bakal lenyap | | |
| MediaTitle | Kosmo | Color | Full Color |
| Date | 02 Sep 2014 | Circulation | 218,251 |
| Section | Negara | Readership | 654,753 |
| Page No | 1,2 | ArticleSize | 1183 cm ² |
| Language | Malay | AdValue | RM 15,167 |
| Journalist | MOHD. HAFIZI AHMAD | PR Value | RM 45,501 |
| Frequency | Daily | | |



KEADAAN sebuah kawasan di perairan Klang, Selangor yang terdedah kepada hakisan selepas hutan paya laut di sekeliungnya ditebang.

6 pulau di Selangor bakal lenyap

Eksklusif

- Pulau Ketam yang mempunyai 5,000 penduduk dikhawatir tidak selamat
- Sindiket mencuri bakau di Selangor tebang 200,000 batang pokok sebulan
- Pihak berkuasa tidak mampu kekang kegiatan haram tersebut

KEGIATAN mencuri pokok bakau secara berterusan yang berlaku di pulau-pulau perairan negeri Selangor dikhawatir meninggalkan kesan buruk sehingga boleh menyebabkan pulau-pulau tersebut tenggelam dan terus lenyap daripada peta dunia.

Enam buah pulau yang dikesan berisiko untuk lenyap ialah Pulau Ketam, Pulau Klang, Pulau Che Mat Zin, Pulau Tengah, Pulau Selat Kering dan Pulau Pintu Gedong.

Kajian mendapati, keluasan hutan paya laut di perairan Selangor pada tahun 2010 hanya tinggal 22,530 hektar berbanding 28,954 hektar pada tahun 1990.

Penyelidik Program Geoinformasi

Bahagian Perhutanan dan Alam Sekitar, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Hamdan Omar berkata, penyusutan hutan paya laut sebanyak 22 peratus dalam tempoh 20 tahun tersebut diburukkan lagi dengan faktor pemanasan global yang menyebabkan pencairan glasier di Antartika.

“Hakisan berterusan menyebabkan pulau semakin mengecil manakala pencairan glasier yang meningkatkan paras air laut pula boleh menyebabkan pulau-pulau tersebut terus tenggelam dan lenyap,” kata beliau.



POKOK-POKOK bakau di sekitar perairan Klang yang ditebang oleh sindiket mencuri bakau.

BERITA DI MUKA 2 & 3

| | | | |
|-------------------|---|--------------------|----------------------------|
| Headline | 6 pulau di Selangor bakal lenyap | | |
| MediaTitle | Kosmo | Color | Full Color |
| Date | 02 Sep 2014 | Circulation | 218,251 |
| Section | Negara | Readership | 654,753 |
| Page No | 1,2 | ArticleSize | 1183 cm² |
| Language | Malay | AdValue | RM 15,167 |
| Journalist | MOHD. HAFIZI AHMAD | PR Value | RM 45,501 |
| Frequency | Daily | | |

Enam buah pulau di Selangor terhakis teruk akibat kemasuhan pokok bakau

Pulau Ketam dikhawatiri tenggelam

Eksklusif

Oleh MOHD. HAFIZI AHMAD dan LILY YEAN berita@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR – Pulau-pulau di sekitar perairan negeri Selangor kini berdepan ancaman kemasuhan, malah lebih buruk, ia dikhawatirkan akan terus lenyap daripada peta dunia akibat terdedah kepada hakisan ombak berikut kemasuhan besar-besaran hutan paya laut yang sebelum ini melindunginya.

Dalam tempoh 20 tahun lalu, hutan paya laut seluas 6,424 hektar di perairan Selangor iaitu hampir seluas 16,060 buah padang bola, telah musnah ekoran pembangunan raksus dan kegiatan sindiket mencuri pokok bakau.

Enam buah pulau yang dikesan bakal lenyap akibat mengalami hakisan teruk itu ialah Pulau Ketam, Pulau Klang, Pulau Che Mat Zin, Pulau Tengah, Pulau Selat Kering dan Pulau Pintu Gedong.

Daripada kesemua pulau tersebut, hanya Pulau Ketam didiami kira-kira 5,000 penduduk.

Penyelidik Program Geoinformasi Bahagian Perhutanan dan Alam Sekitar, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Hamdan Omar mendedahkan, enam pulau tersebut tidak mustahil akan lenyap ekoran hakisan selepas hutan paya laut yang selama ini menjadi pelindung pulau-pulau itu musnah.



Hakisan berterusan menyebabkan pulau semakin mengecil kerana permukaan tanah hilang sedikit demi sedikit dan akhirnya lenyap daripada peta dunia

HAMDAN OMAR

"Kajian mendapati kelasuan hutan paya laut di perairan Selangor pada tahun 2010 hanya tinggal 22,530 hektar berbanding 28,954 hektar pada tahun 1990.

"Penyusutan hutan paya laut dalam tempoh 20 tahun di kawasan tersebut dikesan sebanyak kira-kira 22 peratus," kata beliau ketika ditemui *Kosmo!* baru-baru ini.

Menurut beliau, penyusutan hutan paya laut itu secara tidak langsung mendedahkan pulau-pulau dan pesisiran pantai di Selangor kepada pukulan ombak kuat yang mengakibatkan tanahnya.

Katanya, pokok bakau yang tumbuh di tepi pantai juga menjadi penampang tsunami secara semula jadi.

Pulau-pulau di Selangor yang diancam hakisan teruk



jadi kerana fungsinya yang mampu memecahkan ombak kuat.

"Hakisan berterusan menyebabkan pulau semakin mengecil kerana permukaan tanah hilang sedikit demi sedikit dan akhirnya lenyap daripada peta dunia," kata beliau.

Kejadian tersebut mungkin boleh berlaku dalam tempoh 50 hingga 100 tahun lagi.

Hamdan berkata, kawasan pantai di Kuala Selangor turut dikesan mengalami hakisan teruk. Sekitar 45 meter hingga 180 meter tanah dari pesisiran pantainya terhakis dalam tempoh 20 tahun lalu.

Selain itu, kata beliau, faktor pememanasan global ketika ini yang menyebabkan glasier di benua Antartika mencair serta meningkat-

kan paras air laut di seluruh dunia turut mempengaruhi kemasuhan pulau dan pesisiran pantai.

"Paras air laut yang meningkat mengakibatkan pulau-pulau kecil lebih cepat tenggelam dan akhirnya hanyat," kata Hamdan.

Beliau memberitahu, hutan paya laut yang mengandungi pokok bakau menjadi benteng semula jadi bagi kawasan pantai dan pulau-pulau kecil daripada ancaman hakisan ombak, ribut taufan dan juga tsunami.

Sehubungan itu, menurut Hamdan, walaupun pelbagai usaha dilakukan untuk menanam semula hutan paya laut di

Faktor kemasuhan:

- Pembangunan bandar 72 peratus
- Agrikultur 14 peratus
- Akauakultur 10 peratus
- Hakisan pantai 4 peratus

INFO kawasan hutan paya laut Selangor

| Tahun | Kelasuan (hektar) |
|-------|-------------------|
| 1990 | 28,954 |
| 2000 | 24,213 |
| 2010 | 22,530 |

Jumlah kemasuhan: 6,424 hektar



PULAU Ketam terdedah kepada hakisan ombak berikut kemasuhan hutan paya bakau secara besar-besaran.



PULAU Tengah dikhawatirkan akan terus lenyap daripada peta dunia jika kegiatan mencuri pokok bakau tidak dihentikan.



PARAS air laut yang meningkat boleh mengakibatkan Pulau Selat lebih cepat tenggelam.



SEBAHAGIAN kayu bakau yang ditebang secara haram dirampas oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor di kawasan anak sungai di Pulau Ketam.



KESAN penebangan pokok bakau yang dilakukan secara rakus oleh sindiket di pesisir pantai di Klang, Selangor.